



**MAJLIS PERBANDARAN KULIM
KEDAH DARUL AMAN**

KEW.PA-27

NO SEBUTHARGA : **MPKK.JP.ASET/KEND/2025/SB(01)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti di berikut :-

Bil	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran	Lokasi	Harga Simpanan
1	PERODUA VIVA	KCT 2277	Tempat Letak Kereta MPKK	RM2,000.00
2	EXCAVATOR KOMATSU	KDN 7526	Depoh MPKK	RM40,000.00

2. Lawatan tapak akan diadakan pada **23 Julai 2025 (Rabu) jam 10.00 pagi bertempat seperti lokasi di atas.**
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di Unit Pengurusan Aset, Jabatan Perbendaharaan. Tawaran yang dikemukakan hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **MPKK.JP.ASET/KEND/2025/SB(01)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti berikut :-

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
No 1, Lebuhr Bandar 2, Bandar Putra
09000 Kulim, Kedah Darul Aman.**

5. Tarikh tutup sebutharga pada **30 Julai 2025 (Rabu) jam 12.00 tengahari.** Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

DATO' HASMILIN YUSOFF, BCKR., P.B., PMW., SDK., AMK., KAT., AMN., BCK.
Tuan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
Tarikh :

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga tawaran yang tertinggi. Harga minima tawaran adalah mengikut harga simpanan.
2. Penyebutharga dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% **daripada harga tawaran**. Deposit sebutharga hendaklah disediakan dalam bentuk **draf bank** atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULIM**.
3. Tawaran tanpa atau kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Majlis berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Bayaran balik deposit (kepada pembida yang tidak berjaya) akan dikembalikan dalam tempoh dua minggu (14 hari) dari tarikh keputusan sebutharga dikeluarkan.
10. Pembida perlu mengemukakan Pendaftaran Kementerian Kewangan membeli barang lusuh tanpa permit (Kod Bidang 221901) atau membeli barang lusuh perlu permit (Kod Bidang 221902) serta penyata kewangan bank untuk urusan permulangan deposit (sekiranya tidak berjaya).

NO SEBUTHARGA : MPKK.JP.ASET/KEND/2025/SB(01)

KCT 2277



NO SEBUTHARGA : MPKK.JP.ASET/KEND/2025/SB(01)

KDN 7526

